

**Ketepi Fahaman Politik Bantu Sekolah Agama Rakyat - Muhyiddin
Bernama
15 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata parti pembangkang khususnya PAS perlu mengetepikan fahaman politik dalam usaha memartabatkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) serta menjaga kebajikan pelajarannya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata usaha menjaga kebajikan SAR secara lestari dalam tempoh jangka panjang akan lebih mudah dilaksanakan jika PAS boleh membantu SAR berdaftar dengan kementerian.

"Daftar dengan Kementerian Pelajaran. Saya dah buka tawaran ini sejak dulu, lebih mudah untuk kita bantu bukan saja infrastruktur, kualiti guru, kurikulum yang diajar dan lain-lain bentuk bantuan. Kalau itu boleh dipersetujui untuk kebaikan pembelajaran dan pengajaran...maka daftarliah. Kita boleh bantu secara terancang.

"Saya kemuka cadangan itu supaya diterima oleh mereka tapi malangnya sebahagian besar anggap tak boleh, tak mahu bersama dengan kementerian kerana dia anggap kementerian ini BN punya. Ini bukan soal politik...kalau boleh buat, boleh kurang masalah," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 peringkat dasar bagi Kementerian Pelajaran di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata sungguhpun SAR tertakluk di bawah kawalan kerajaan negeri namun kerajaan persekutuan tetap menyalurkan bantuan kepada SAR termasuk sekolah-sekolah yang masih belum berdaftar dengan kementerian.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701975>